



Suzlee di hadapan **The Poem (Wallpaper)** yang diiktiraf MBOR sebagai lukisan terpanjang dipamerkan di Galeri Serdang, UPM.

# Lukisan terpanjang di Malaysia

» **The Poem** karya Suzlee dapat pengiktirafan MBOR

Oleh Siti Haliza Yusop  
shyusop@bh.com.my

**M**editasi bukan sekadar menjadi pameran solo ke-29 bagi pelukis yang terkenal dengan aliran abstrak ekspresionis, Suzlee Ibrahim, sebaliknya mencatat satu lagi kejayaan dalam perjalanan kesenian selepas hampir tiga dekad terbabit dengan seni halus.

**The Poem (Wallpaper)**, antara 35 lukisan dalam *Meditation* yang dipamerkan di Galeri Serdang, Universiti Putra Malaysia (UPM), Serdang, melakar sejarah tersendiri apabila menerima pengiktirafan daripada *Malaysia Book of Records* (MBOR).

Berukuran 1.52 meter (m) x 18.3m, **The Poem** diiktiraf oleh MBOR sebagai lukisan terpanjang yang pernah dipamerkan di dalam galeri di negara ini.

**Cabarang hasilkan The Poem**  
Suzlee berkata, beliau menghadapi cabaran tersendiri ketika menghasilkan **The Poem** yang mengambil masa empat tahun untuk disiapkan selepas bermula pada tahun 2010.

“Saya masih menggunakan aklik sebagai warna utama kerana melaluinya lebih mudah untuk saya meluahkan rasa.

“Bagaimanapun, penggunaan cat minyak yang lambat kering dengan pelbagai lapisan warna yang dilukis di atas kanvas membawa cabaran tersendiri, selain saiz lukisan yang besar menuntut penggunaan lebih banyak ruang ketika berkarya,” katanya kepada *Sastera BH* di Galeri Serdang, baru-baru ini.

Majlis penyerahan sijil pengiktirafan kepada Suzlee atas pencapaian itu disempurnakan oleh Pengurus Besar MBOR, Heliilia Juana Hashim.

Bercerita lanjut mengenai Me-

ditasi, Suzlee berkata, pameran itu memuatkan naskhah yang sudah dihasilkannya sejak tahun 2007 hingga 2014.

Beliau berkata, pelukis sebenarnya perlu bermeditasi ketika meletakkan setiap garisan, warna, bentuk dan jalinan komposisi dada kanvas.

## Terapi capai ketenangan jiwa

“Elemen seni ini adalah bentuk proses terapi bagi mencapai ketenangan jiwa, selain berupaya membawa diri lari jauh daripada dunia realiti ke minda di bawah sedar yang juga satu jalan penyelesaian masalah akibat daripada pelbagai tekanan perasaan,” katanya.

Sementara itu, Kurator Meditasi, Erry Arham Azmi, berkata **The Poem** menjadi medan meditasi Suzlee terhadap bentuk yang mempunyai reka corak sa-

Melalui **The Poem**, Suzlee melakarkan bagaimana kehidupan yang sering berulangan, memberi satu sifat yang kemudiannya tampil membosankan.

“Ironinya, Suzlee mencitrakan bentuk kebosanan itu melalui pendekatan pengulangan garis, warna, jalinan dan rupa,” katanya.

**Pelukis sebenarnya perlu bermeditasi ketika meletakkan setiap garisan, warna, bentuk dan jalinan komposisi dada kanvas”**

**Suzlee Ibrahim,**  
Pelukis